

**PROSES KERJA PERMOHONAN PENGELUARAN PERMIT BAGI  
PENGUNAAN RUANG UDARA DI ATAS TANAH KERAJAAN  
DAN TANAH RIZAB**

BIL.	TINDAKAN	BUTIR-BUTIR	RUJUKAN/CATITAN
1.	Pentadbir Tanah menerima permohonan	<p>1.1 Permohonan hendaklah dalam Borang seperti yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri.</p> <p>1.2 Borang permohonan hendaklah disertakan dengan perkara-perkara berikut:-</p> <p>a) bayaran seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri,</p> <p>b) butir binaan yang menggunakan ruang udara;</p> <p>c) pelan binaan yang menggunakan ruang udara yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan yang berkenaan; dan</p> <p>d) surat persetujuan daripada Pegawai Pengawal tanah rizab jika ruang udara yang dipohon berada di atas tanah rizab.</p>	<p>Seksyen 75B(1) KTN</p> <p>Seksyen 75B(1)(a) KTN</p> <p>Seksyen 75B(1)(b) KTN</p> <p>Seksyen 75B(1)( c) KTN</p>
2.	Pentadbir Tanah mengarahkan Pen. Pegawai Tanah untuk memeriksa tanah itu	<p>2.1 Penolong Pegawai Tanah hendaklah memeriksa tanah tersebut dan membuat laporan yang mengandungi antara lain, perkara-perkara yang berikut:</p> <p>a) status tanah sama ada tanah kerajaan atau tanah rizab;</p> <p>b) sama ada tanah tersebut berada dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan atau dalam kawasan di bawah badan yang diberi kuasa berhubung perancangan Bandar dan desa;</p> <p>c) status tanah bersebelahan yang terlibat;</p> <p>d) anggaran dimensi ruang udara yang diperlukan untuk binaan; dan</p> <p>e) keadaan tanah kerajaan atau tanah rizab yang permit dipohon untuk menggunakan ruang udaranya.</p>	

BIL.	TINDAKAN	BUTIR-BUTIR	RUJUKAN/CATITAN
3.	Pentadbir Tanah merujuk permohonan kepada jabatan / badan berkenaan	<p>3.1 Permohonan hendaklah dirujuk kepada jabatan/badan berikut untuk pandangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jabatan Kerja Raya (jika tanah itu digunakan untuk jalan yang disenggara olehnya;</li> <li>b) Pihak Berkuasa Tempatan atau badan yang diberi kuasa berhubung perancangan Bandar dan Desa; dan</li> <li>c) Pegawai Pengawal tanah rizab (jika tanah itu merupakan ke atas tanah rizab).</li> </ul>	
4.	Pentadbir Tanah mengkaji laporan Pen. Pegawai Tanah dan pandangan jabatan/ badan yang berkenaan	<p>4.1 PT juga hendaklah memberikan pertimbangan ke atas keselamatan orang ramai.</p>	
5.	Pentadbir Tanah menyediakan kertas untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.	<p>5.1 Jika PT berpendapat bahawa permohonan hendaklah diluluskan, maka ia hendaklah menyediakan kertas yang mengandungi, antara lain, perkara-perkara yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) pemohon ialah orang/badan menurut Seksyen 43;</li> <li>b) pemohon layak mengikut Enakmen Perizapan Melayu yang berkenaan jika tanah di mana ruang udaranya dipohon itu diwartakan sebagai rizab Melayu;</li> <li>c) jika pemohon seorang bukan warganegara atau syarikat asing, kelulusan yang diperlukan mengikut Seksyen 433B KTN telah diperolehi;</li> <li>d) jika tanah itu tanah rizab, persetujuan pegawai-pegawai telah diperolehi;</li> </ul>	

BIL.	TINDAKAN	BUTIR-BUTIR	RUJUKAN/CATITAN
		<p>e) jika ruang udara itu di atas tanah kerajaan, binaan tidak mengganggu kegunaan tanah (misalnya jika digunakan untuk laluan keluar masuk, ia tidak akan membahayakan pengguna);</p> <p>f) pelan binaan telah diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan yang berkenaan;</p> <p>g) dimensi ruang yang diperlukan (pelan hendaklah disertakan);</p> <p>h) bayaran tahunan yang hendak dikenakan;</p> <p>i) tempoh permit;</p> <p>j) syarat dan terma yang hendak dikenakan (termasuk masa bila bayaran tahunan kena bayar); dan</p> <p>k) arahan bahawa bayaran deposit kena dikutip, jika diperlukan;</p> <p>5.2 Kertas hendaklah dihantar melalui PTG.</p>	
6.	Pihak Berkuasa Negeri membuat keputusan	<p>6.1 Kelulusan jika diberikan, akan menyatakan terma-terma dan syarat-syarat dan arahan yang boleh dikenakan termasuk keperluan mengenakan bayaran sejumlah wang sebagai deposit atau bentuk jaminan yang lain.</p>	
7.	Pentadbir Tanah menyampaikan keputusan kepada pemohon	<p>7.1 Jika Pihak Berkuasa negeri meluluskan permohonan, PT hendaklah memaklumkan kepada pemohon berhubung syarat dan terma kelulusan yang dikenakan, antara lain, termasuk:</p> <p>a) dimensi ruang yang diluluskan (pelan hendaklah disertakan);</p> <p>b) tempoh permit;</p> <p>c) jumlah bayaran tahunan yang kena bayar;</p>	

BIL.	TINDAKAN	BUTIR-BUTIR	RUJUKAN/CATITAN
8.	Pentadbir Tanah menerima bayaran daripada pemohon dan mengeluarkan permit.	<p>d) jumlah deposit yang kena dibayar, jika ada, dan</p> <p>e) terma dan syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p> <p>7.2 Pada masa yang sama pemohon yang telah diluluskan hendaklah diberitahu supaya membayar bayaran tahunan dan untuk membayar sejumlah wang sebagai deposit (jika ada) dalam tempoh tertentu.</p> <p>8.1 PT mengeluarkan permit dalam Borang 4D kepada pemohon.</p> <p>8.2 Ruang-ruang dalam Borang 4D hendaklah diisi berasaskan kepada terma kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri</p>	Seksyen 75C dan 75D KTN

